



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

11 JANUARI 2024 (KHAMIS)

Leong Hup, Dindings Fail Rayuan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Bisnes	23	11 Jan

Pelanggaran akta penetapan harga

Leong Hup, Dindings fail rayuan

MyCC kenakan penalti RM415.5j kepada 5 syarikat pada 22 Disember

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd (LFM) dan Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd (DPDC) memfailkan rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mendenda kedua-dua syarikat itu baru-baru ini.

MyCC sebelum ini mengenakan penalti kewangan terhadap kedua-dua syarikat itu di atas kesalahan pelanggaran akta penetapan harga.

MyCC telah mengenakan penalti sebanyak RM157.47 juta ke atas LFM dan RM70.02 juta lagi ke atas DPDC.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Leong Hup International Bhd yang juga syarikat induk LFM berkata, pihaknya juga memohon penangguhan keputusan MyCC itu sementara menunggu rayuan.

Malayan Flour Mills Bhd (MFM) yang memiliki 51 peratus kepentingan dalam syarikat usaha sama DPDC turut mengumumkan perkara yang sama dalam pemfailan berasingan kepada Bursa Malaysia.

MyCC pada 22 Disember 2023 mengenakan penalti bernilai RM415.5 juta kepada lima syarikat pengeluar makanan haiwan ternakan selepas didapati bersalah menentang dan menyeragamkan secara bersama harga produk mereka, bagi ayam untuk pasaran tempatan.

Selain LFM dan DPDC, syarikat lain yang dikenakan penalti itu adalah FFM Bhd (FFM); Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd (Gold Coin) dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd (PK Agro).

Kuasai 40 peratus pasaran

Lima daripada 29 syarikat pengeluar makanan haiwan ternakan di seluruh negara itu dianggarkan

menguasai sehingga 40 peratus pasaran makanan ternakan ayam di negara ini.

MyCC dalam keputusannya menjelaskan, mereka didapati melanggar Seksyen 4(1) Akta Persaingan 2010 kerana membuat perjanjian mendatar atau menegak dilarang antara perusahaan dengan matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran barang atau perkhidmatan.

Kelima-lima perusahaan itu didapati bersalah kerana berpakat menaikkan harga makanan ternakan ayam menerusi beberapa platform, termasuk hubung kait rekod komunikasi bersama pengurusan tertinggi, nota mesyuarat dan keterangan saksi, di antara Januari 2020 hingga Jun 2022.

Selain penalti sebanyak RM157.47 juta ke atas LFM dan RM70.02 juta lagi ke atas DPDC, tiga lagi syarikat iaitu masing-ma-

ing FFM dikenakan penalti bernilai RM42.69 juta; Gold Coin (RM97.51 juta); dan PK Agro (RM47.8 juta).

"Bukti kenaikan kuantum harga makanan ayam yang serupa antara perusahaan terbabit dikenal pasti antara Januari 2020 hingga Jun 2022, selain mereka didapati menggunakan strategi menyatakannya kenaikan kos disebabkan peningkatan perbelanjaan bahan mentah," demikian menurut MyCC.

Susulan pengumuman itu, Leong Hup mengesahkan pendiriannya bahawa LFM tidak terbabit dalam dakwaan amalan penetapan harga, dengan menyatakan bahawa penemuan MyCC adalah tanpa merit.

MFM kemudiannya turut mengumumkan pendirian serupa dalam pemfailan berasingan pada 26 Disember, menafikan bahawa DPDC terbabit dalam dakwaan amalan kartel itu.



TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR